

Oleh Khairunnisa Kamarudin

nisa.kamarudin@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Lebih 4,000 peserta menayakan Larian Amal Spektra 2015 anjuran Kediaman Tuanku Bahiyah (KKTR), Universiti

Malaya (UM), bermula di Dataran Dewan Tunku Canselor, UM.

Larian sejauh lima kilometer itu disifatkan unik kerana peserta dibaling dengan serbuk berwarna-warni pada setiap 'checkpoint' sepanjang larian.

Pengetua KKTR Dr Nahrizul Adib Kadri, berkata pihaknya mendapat kerjasama UNITAR International University bagi menayakan larian ini bermatlamat menyuburkan gaya hidup sihat dalam kalangan

pelajar dengan menjadikan aktiviti larian secara santai dan ceria.

Katanya, peserta yang berjaya menamatkan larian mene-

Larian Amal Spektra Warnai UM

rima medal berwarna-warni, sijil penyertaan, 'goodies bag' sepaket kecil serbuk pewarna yang akan digunakan dalam acara membalung warna.

Badan Kebajikan

"Hasil kutipan larian akan disalurkan kepada badan kebajikan yang dikenal pasti termasuk Yaysan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF).

"Kejayaan larian ini turut menjadi hubungan baik antara universiti awam dan institusi pengajian tinggi swasta dalam menayakan sesuatu program," katanya.

Larian turut mendapat sokongan pelbagai agensi, antaranya 100 Plus (F&N Malaysia), KULBake, Running Malaysia Magazine, MYLAPS, Celebrity Fitness, Kao Malaysia, Mentholatum, dan Kiehl's.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Naib Canselor UM, Prof Datuk Dr Mohd Amin Jalaludin

Wajah ceria peserta larian.



Peserta bergambar bersama-sama selepas menamatkan larian.

